

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) TAHUN 2024

1.0 TUJUAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun ini, Seksyen Latihan dan Pembangunan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, USIM akan melaksanakan pembudayaan dan pemeriksaan inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh MAMPU iaitu Pekeliling Transformasi Tadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016. Semua warga USIM adalah dipelawa untuk menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi tahun 2024.

2.0 PENGENALAN

KIK Horizon Baharu **berfokuskan kepada outcome, impak dan potensi pengembangan projek bagi tujuan replikasi, pengkomersialan dan penyertaan dalam pertandingan**. Tiga (3) fasa diperkenalkan dalam panduan ini iaitu:

- (a) Fasa Pertama: Penghasilan Projek
- (b) Fasa Kedua: Pengiktirafan
- (c) Fasa Ketiga: Pengembangan Projek

3.0 OBJEKTIF


Objektif Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) USIM Tahun 2024 adalah untuk :

- (a) memupuk budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan Warga USIM;
- (b) menyediakan platform bagi meningkatkan kebolehan dan keupayaan Warga USIM untuk berinovasi; dan
- (c) mengiktiraf hasil projek KIK oleh Warga USIM.

4.0 KATEGORI PERTANDINGAN

4.1 Inovasi Sosial


Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat secara menyeluruh.



Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan

4.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan



Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan

5.0 SYARAT PENYERTAAN

Syarat penyertaan Konvensyen KIK USIM adalah seperti berikut :

- 5.1 Penyertaan adalah **terbuka kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Pusat Tanggungjawab (PTj)** yang dianggotai oleh staf USIM sahaja;
- 5.2 Projek ini boleh merentasi semua bahagian/ seksyen/ unit di USIM iaitu secara hibrid.
- 5.3 Setiap kumpulan KIK hendaklah dianggotai **minimum 8 orang dan maksimum 10 ahli** (tidak termasuk Fasilitator dan Ketua Kumpulan);
- 5.4 Projek yang dipertandingkan perlu **SELESAI** dilaksanakan sebelum konvensyen berlangsung dan diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab serta telah digunakan dalam pengurusan jabatan;
- 5.5 Projek KIK yang dihasilkan perlu memenuhi matlamat keberhasilan yang ditetapkan, iaitu **kecekapan agensi, keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan/atau kesejahteraan rakyat**;
- 5.6 Setiap projek KIK hanya layak menyertai **SATU (1) kategori pertandingan** sahaja;
- 5.7 Pihak urus setia **berhak menukar kategori penyertaan projek KIK kepada kategori yang sewajarnya**. Sebarang pertukaran akan dimaklumkan kepada pemohon;
- 5.8 Pihak penganjur **berhak menolak penyertaan yang tidak memenuhi syarat pertandingan** yang telah ditetapkan.

6.0 PEMBENTUKAN KUMPULAN

6.1 KIK Primer

Sekumpulan ahli yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lapan (8) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang daripada agensi yang sama dan bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:

- (a) Seorang Ketua Projek; dan
- (b) Sembilan (9) Orang Ahli Kumpulan.

6.2 KIK Hibrid

- (a) Sekumpulan ahli terdiri daripada dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi dan bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.
- (b) Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.

7.0 KOMPONEN KIK

6.1 KIK digalakkan untuk mewujudkan identiti kumpulan tersendiri seperti:

- (a) Nama Kumpulan;
- (b) Logo Kumpulan;
- (c) Visi Kumpulan; dan
- (d) Misi Kumpulan.

6.2 Fasilitator

- (a) Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator. Pelantikan fasilitator **bukan suatu kemestian**.

6.3 Ketua Kumpulan

- (a) Ketua kumpulan merupakan seorang daripada ahli KIK.
- (b) Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.

6.4 Ahli Kumpulan

- (a) Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Jabatan/ Agensi/ Bahagian/ Unit masing-masing pada bilangan yang munasabah.
- (b) Jabatan/ Agensi/ Bahagian/ Unit yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum persefahaman secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

8.0 PERMOHONAN PENYERTAAN

8.1 Setiap kumpulan adalah **wajib** untuk mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup iaitu:

- (a) **Borang penyertaan** yang lengkap dan disahkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab - **Lampiran A**.
- (b) **Laporan projek mengikut format yang ditetapkan - Lampiran B**.

- i. Ringkasan Eksekutif **tidak melebihi 2 muka surat**.
- ii. Perincian projek **tidak melebihi 15 muka surat**.
- iii. Lampiran **tidak melebihi 30 muka surat**.
- iv. Minimum saiz tulisan adalah 11 dengan jenis font Arial dan line spacing (multiple at 1.15).

- (c) **Gambar Projek**.
- (d) **Logo Kumpulan dan Gambar Ahli Kumpulan**.
- (e) **Video** berkaitan projek (berdurasi tidak lebih dari 5 minit).
- (f) **Model replika projek** (sekiranya ada).

8.2 Semua dokumen wajib seperti dinyatakan di **8.1 (a – e)** yang telah lengkap dan disahkan hendaklah dimuatnaik ke dalam google drive sebelum atau **pada 10 Mei 2024 (Jumaat)** melalui pautan berikut:

<https://drive.google.com/drive/folders/1yWuxo-m1qDdVAD1DXhvQk5RFSDemKbYy>

9.0 PENOLAKAN PENYERTAAN

9.1 Urus setia berhak menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan KIK yang tidak mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap, mengemukakan maklumat palsu atau tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan yang telah ditetapkan.

9.2 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang layak untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat MAMPU yang ditentukan berdasarkan syarat penyertaan adalah muktamad.

9.3 Keputusan panel penilai dalam Konvensyen KIK peringkat MAMPU terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

10.0 PEMBENTANGAN PROJEK KIK

10.1 Pembentangan projek KIK akan dilaksanakan secara fizikal dengan mengutamakan penjarakan sosial dan penetapan penggiliran bagi setiap kumpulan.

10.2 Ketetapan masa pembentangan projek KIK dibahagikan seperti yang berikut:

PERKARA	MASA	CATATAN
Persediaan dan pemasangan peralatan	5 minit	- Loceng dibunyikan menandakan masa persiapan telah bermula
Sesi pembentangan (termasuk persembahan video / montaj)	10 minit	- Loceng pertama dibunyikan menandakan masa pembentangan telah bermula - Loceng kedua dibunyikan sebagai peringatan pada minit ke-8 - Loceng ketiga dibunyikan pada minit ke-10 menandakan masa persembahan telah tamat
Sesi soal jawab bersama Panel Penilai	15 minit	- Loceng dibunyikan menandakan masa viva telah tamat

11.0 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

BIL.	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikan Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan Pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
JUMLAH		100

12.0 PENGIKTIRAFAN

PEMENANG	*HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG
Johan	RM1,000.00 dan Sijil Penghargaan
Naib Johan	RM700.00 dan Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	RM500 dan Sijil Penghargaan
Saguhati	Sijil Penyertaan

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

13.0 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Pihak urus setia pertandingan boleh dihubungi melalui alamat seperti berikut:

URUS SETIA
PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Seksyen Latihan dan Pembangunan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

No. Telefon : 06-798 8136/ 06-797 8611
No. Faksimili : 06-798 8130
E-mel : qidzam@usim.edu.my

14.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 Mei 2024 (Jumaat)**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas daripada tarikh tersebut akan **DITOLAK**.

Urus setia
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) USIM
Tahun 2023

BAHAGIAN A: MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK

MAKLUMAT ORGANISASI, KUMPULAN DAN PROJEK	
NAMA ORGANISASI	
ALAMAT ORGANISASI	
NAMA KUMPULAN	
TAJUK	
TARIKH MULA PROJEK	
TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK	
KIK	
BIDANG INOVASI	
KATEGORI INOVASI	
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	
FASILITATOR KUMPULAN (JIKA ADA)	
NAMA	
GRED JAWATAN	
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS	
NO. TELEFON BIMBIT	
E-MEL	
KETUA KUMPULAN	
NAMA	
GRED JAWATAN	
NO. TELEFON PEJABAT/ FAKS	
NO. TELEFON BIMBIT	
E-MEL	
SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN	1)
	2)
	3)
	4)

	5)
	6)
	7)
	8)
	9)

GAMBAR KUMPULAN

***Silakan kemukakan juga dalam bentuk saftcopy (format .jpeg)**
(e-mel kepada: qidzam@usim.edu.my)
 Keterangan gambar : Nama mengikut susunan seperti di gambar

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Dengan ini adalah disahkan bahawa.....

(Nama Pejabat) akan menyertai Kumpulan Inovatif dan Peringkat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bagi Tahun 2024.

.....

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SILA RUJUK GARIS PANDUAN UNTLIK MAKLUMAT LEBIH TERPERINCI

BAHAGIAN B: RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	
Bidang dan kategori	
RINGKASAN EKSEKUTIF	
<p>Ringkasan Eksekutif merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Projek KIK yang dilaksanakan2. Menjelaskan keberhasilan projek: <i>Outcome</i> dan Impak Projek3. Menjelaskan potensi pengembangan projek <p>(300 -500 patah perkataan, tidak melebihi 2 muka surat)</p>	

FORMAT DOKUMENTASI PROJEK

1.0 Ringkasan Eksekutif

Penerangan ringkas mengenai projek KIK yang mengandungi penjelasan berkaitan bidang dan kategori inovasi, pencapaian keberhasilan (*outcome*) dan impak serta potensi pengembangan projek.

2.0 Perincian Projek

Perincian projek berserta pembuktian disediakan berdasarkan kriteria seperti berikut:

- (a) Latar belakang kumpulan;
- (b) Signifikan pemilihan projek;
- (c) Tindakan penyelesaian;
- (d) Keberhasilan projek (*outcome*)/impak projek; dan
- (e) Potensi pengembangan projek.

3.0 Format Dokumentasi Projek:

- (a) Dokumen hendaklah disediakan dalam **Bahasa Melayu**;
- (b) Dokumen disediakan dengan menggunakan huruf **Arial**, saiz huruf yang digunakan adalah **12**, **selang baris (line spacing) 1.15** dan teks ditaip **santak kiri dan kanan (justified)**;
- (c) Dokumen hendaklah mempunyai **senarai kandungan** dan **bilangan muka surat**;
- (d) Dokumen hendaklah disediakan secara **jilid sisir (comb-binding)**; dan
- (e) **Bilangan maksimum muka surat** bagi **Ringkasan Eksekutif (1 muka surat)**, **Perincian Projek (15 muka surat)** dan **Lampiran (30 muka surat)**.
- (f) Urus Setia berhak **menolak penyertaan** dokumentasi yang **tidak mematuhi format dokumentasi projek**.